

**PELARASAN TARIF ELEKTRIK DI KULIM HI-TECH PARK, KEDAH  
BAGI TEMPOH 1 JANUARI 2018 HINGGA 30 JUN 2018 BAGI  
PENGGUNA KATEGORI INDUSTRI DAN KOMERSIL**

---

1. Bagi melaksana pelan rasionalisasi subsidi ke atas semakan harga bahan api gas di bawah mekanisme *imbalance cost pass-through*, mulai 1 Julai 2017 sehingga 31 Disember 2017, kos gas asli berpaip kepada sektor penjanaan elektrik di Kulim Hi-Tech Park telah dinaikkan sebanyak RM1.50/MMBtu iaitu daripada RM21.20/MMBtu kepada RM22.70/MMBtu. Kenaikan harga gas tersebut telah menyebabkan surc妖 ICPT berjumlah RM27.78 juta, bersamaan dengan 3.78 sen/kWj, kos yang di luar kawalan Nur Distribution Sdn. Bhd.
2. Sehubungan itu, untuk menghadkan peningkatan tarif bekalan elektrik kepada pengguna-pengguna di Kulim Hi-Tech Park (KHTP), Kulim, Kedah, pada 15 Disember 2017, Kerajaan telah bersetuju menampung sebahagian surc妖 ICPT sebanyak 3.12 sen/kWj atau RM22.93 juta, bersamaan 85% daripada keseluruhan surc妖 ICPT.
3. Selaras dengan komitmen Kerajaan buat masa ini untuk meringankan beban peningkatan kos bil elektrik pengguna di Kulim Hi-Tech Park supaya tidak melebihi paras 5% daripada tarif TNB, kos surc妖 yang dilepaskan kepada pengguna masih kekal sebanyak 0.66 sen/kWj berbanding dengan kos surc妖 yang sepatutnya iaitu sebanyak 3.78 sen/kWj bagi tempoh 1 Januari 2018 hingga 30 Jun 2018.
4. Bagaimanapun, semakan semula kos ICPT tersebut tidak melibatkan pengguna domestik di KHTP.

**Suruhanjaya Tenaga**

**16 Januari 2018**